

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3 (4)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2014-2015)  
BILANGAN 2 TAHUN 2015**

**Tarikh** : 17 Februari 2015 (Rabu)  
**Masa** : 10.30 Pagi –11.52 Pagi  
**Tempat** : Dewan Bunga Tanjung,  
**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.**

**Hadir** : Seperti dilampiran kehadiran

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Pegawai Komunikasi Korporat, Unit Perhubungan Awam dan Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 6 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Januari 2015 dan Februari 2015.

**3. PERUTUSAN DATUK BANDAR**

3.1 Beliau mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli-ahli Majlis yang telah menerima jawatan pada pagi ini. Beliau berharap dengan pelantikan semula Ahli-ahli Majlis dan lantikan Ahli-ahli Majlis yang baru akan dapat mengekalkan semangat kerjasama dan komitmen padu untuk merealisasikan segala perancangan dan program Majlis. Justeru itu, di dalam menggalas tanggungjawab ini adalah amat penting bagi semua warga kerja juga Ahli-ahli Majlis memahami, menghayati seterusnya melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan tahap profesionalisme yang lebih tinggi. Terima kasih juga kepada Ahli Majlis yang telah tamat perkhidmatan.



Seramai 12 orang Ahli Majlis dari Parti PKR telah membuat perakuan penerimaan jawatan Ahli Majlis sebentar tadi. Encik Tang Fuiie Koh selaku ketua Whip telah menyenaraikan zon pemantauan dan jawatankuasa Mesyuarat yang akan dianggotai oleh Ahli Majlis seperti berikut:-

BIL	NAMA	ZON PEMANTAUAN	JAWATANKUASA
1	Encik Tang Fuiie Koh	Zon 10	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pusat Setempat (OSC)</li> <li>2. Perancang Bandar</li> <li>3. Audit danPengurusanKorporat</li> </ol>
2	Encik Mahharul bin Ismail	Zon 15	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kewangan (Ogos – Disember)</li> <li>2. Perancang Bandar</li> <li>3. Kawalan Perniagaan danKesihatan</li> <li>4. Kemasyarakatan, Perkhidmatan Korporat dan Teknologi Maklumat</li> <li>5. Tender (Mac – Julai)</li> <li>6. Sebutharga (Mac – Julai)</li> </ol>
3	Puan Cynthia Gabriel	Zon 12	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kewangan</li> <li>2. Pusat Setempat (OSC)</li> <li>3. Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas</li> </ol>
4	Encik Suriase a/l Gengiah	Zon 1	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kewangan (Mac – Julai)</li> <li>2. Perancang Bandar</li> <li>3. Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas</li> <li>4. Kemasyarakatan, Perkhidmatan Korporat dan Teknologi Maklumat</li> <li>5. Tender (Ogos – Disember)</li> <li>6. Sebutharga (Ogos – Disember)</li> </ol>



5	Puan Y.M. Raja Fairuz bin Raja Mazlan	Zon 17	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kewangan</li> <li>2. Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas</li> <li>3. Pengindahan Bandar</li> </ol>
6	Encik Halimey bin Abu Bakar	Zon 24	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kewangan (Ogos – Disember)</li> <li>2. Perancang Bandar</li> <li>3. Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas</li> <li>4. Pengindahan Bandar</li> <li>5. Tender (Mac – Julai)</li> <li>6. Sebutharga (Mac – Julai)</li> </ol>
7	Encik Ahmad Akhir bin PawanChik	Zon 13	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kewangan (Mac – Julai)</li> <li>2. Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas</li> <li>3. Kawalan Perniagaan dan Kesihatan</li> <li>4. Tender (Ogos – Disember)</li> <li>5. Sebutharga (Ogos – Disember)</li> </ol>
8	Encik Shatiri bin Mansor	Zon 3	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas</li> <li>2. KawalanPerniagaan dan Kesihatan</li> <li>3. Pengindahan Bandar</li> <li>4. Audit dan Pengurusan Korporat</li> </ol>
9	Encik Chong Fook Meng	Zon 2	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kewangan</li> <li>2. Perancang Bandar</li> <li>3. Kawalan Perniagaan dan Kesihatan</li> </ol>
10	Encik Ong Swee Long	Zon 9	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perancang Bandar</li> <li>2. Kawalan Perniagaan dan Kesihatan</li> </ol>



11	Encik Sugumaran a/ R. Annamalai	Zon 14	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas</li> <li>2. Pengindahan Bandar</li> <li>3. Kemasyarakatan, Perkhidmatan Korporat dan Teknologi Maklumat</li> </ol>
12	Puan Wong Yuet Leng	Zon 5	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kawalan Perniagaan dan Kesihatan</li> <li>2. Pengindahan Bandar</li> <li>3. Kemasyarakatan, Perkhidmatan Korporat dan Teknologi Maklumat</li> </ol>

Bagi Zon Pemantauan Ahli Majlis berkuatkuasa serta merta. Sementara itu, bagi Mesyuarat Jawatankuasa, Ahli-Ahli Majlis yang dilantik di atas akan mula menganggotai jawatankuasa tersebut mulai Mac 2015 kecuali Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) yang bermesyuarat pada 25 Februari 2015.

### 3.2 STRATEGI PENINGKATAN KUALITI KERJA DAN PERKHIDMATAN

Dalam memperkasakan kualiti perkhidmatan terdapat beberapa strategi yang boleh diguna pakai dan diamalkan oleh organisasi untuk memastikan perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan memuaskan hati.

#### a) Memahami kehendak dan pengharapan pelanggan

Persepsi dan kehendak pelanggan telah berubah dan lebih kompleks. Dahulu tumpuan utama orang ramai terhadap perkhidmatan Majlis berkisar kepada perkhidmatan asas perbandaran seperti penyelenggaraan jalan, longkang dan kutipan sisa pepejal. Kini, kehendak pelanggan lebih meluas meliputi aspek pengindahan, keceriaan, alam sekitar juga perkhidmatan kemasyarakatan. Selaku penyedia perkhidmatan MBPJ perlu peka dengan keadaan ini supaya perkhidmatan berkualiti yang dapat memenuhi ekspektasi masyarakat dapat disediakan.

b) **Menetapkan piawaian perkhidmatan yang memenuhi kehendak dan pengharapan pelanggan**

Piawaian perkhidmatan boleh dilihat daripada piagam pelanggan setiap jabatan, khususnya bagi perkhidmatan teras. Piagam pelanggan ini menjadi asas dan panduan kepada warga kerja Majlis dan pelanggan selain daripada pengamalan piawaian standard lain seperti Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008. Majlis telah pun berjaya mendapat persijilan bagi 40 proses kerja meliputi proses-proses utama iaitu Proses Kawalan Pembangunan, Proses Pengurusan Cukai Taksiran, Proses Pengurusan Lesen Perniagaan serta Proses Penyediaan dan Penyelenggaraan Infrstruktur dan Kemudahan Awam.

c) **Merangka proses kerja dan perkhidmatan yang membantu ke arah pencapaian piawai yang telah ditetapkan**

Bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan mencapai tahap yang mampu memenuhi permintaan pelanggan, setiap jabatan perlu menyediakan proses kerja atau Prosedur Operasi Standard (SOP). SOP adalah penting untuk diikuti bagi memastikan setiap tindakan yang dibuat selaras dengan peruntukan dan peraturan yang diguna pakai di samping mampu melancarkan segala proses.

d) **Memilih dan menentukan Sumber Manusia dan bahan yang berkualiti**

Sumber manusia dan bahan yang berkualiti sangat perlu diambil berat untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Sumber manusia yang berkebolehan dan terlatih amat diperlukan untuk melaksanakan sesuatu tugas yang diamanahkan supaya hasilnya mencapai standard yang tinggi. Bahan berkualiti di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan boleh dikaitkan dengan aspek penyelenggaraan, untuk memastikan penyediaan prasarana yang bermutu dan mengelakkan kecacatan yang boleh mencetuskan kemalangan.

e) **Memberikan ransangan dan latihan berterusan kepada kakitangan dan pelaksana perkhidmatan**

Ransangan kepada kakitangan boleh dilakukan dengan cara memberikan pengiktirafan atau ganjaran di atas kejayaan dicapai oleh kakitangan. Hal ini boleh dilihat di peringkat MBPJ dengan penganugerahan Anugerah Khidmat Cemerlang, insurans kakitangan, kemudahan buku rawatan perubatan dan



sebagainya. Kakitangan juga perlu diberi latihan untuk melengkapkan diri dengan kemahiran terkini dan ilmu berkaitan dengan tugas yang dilaksanakan.

f) **Memantau, menilai dan membuat penambahbaikan secara berterusan**

Pemantauan merupakan aspek penting jika ingin menjadi sebuah organisasi yang cemerlang dalam menyampaikan perkhidmatan berkualiti. Pelaksanaan program-program asas perbandaran perlu dipantau, dinilai dan ditambah baik jika terdapat kekurangan. Penambahbaikan yang berterusan adalah penting untuk memastikan perkhidmatan sentiasa meningkat dan tidak berada di takuk lama selaras dengan ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat, seperti pelaksanaan Sistem Pemantauan Projek, Sistem Pengurusan Aduan Awam, Sistem Pembayaran secara Online (e-pay), Inovasi Proses Permohonan Lesen Perniagaan dengan menggunakan kod maklumbalas cepat (QR Code) dan sebagainya.

3.3 **MENJELASKAN CUKAI TAKSIRAN SEBELUM ATAU PADA 28 FEBRUARI 2015**

Majlis telah menghantar semua bil Cukai Taksiran bagi setengah tahun pertama (Jan – Jun 2015) melalui pos kepada 232,276 pemegang harta yang melibatkan jumlah cukai semasa dan tunggakan berjumlah RM158.05 juta.

Sekiranya ada pemegang harta yang masih tidak menerima bil taksiran, mereka boleh datang ke Pejabat Jabatan Perbendaharaan, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya untuk mendapatkan salinan dan seterusnya menjelaskan bayarannya di kaunter Pembayaran Utama Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Pemegang Harta yang masih belum menjelaskan cukai taksiran adalah diingatkan supaya berbuat demikian pada **atau sebelum 28 Februari 2015 (hari Sabtu)** untuk mengelakkan sebarang BAYARAN TAMBAHAN dikenakan.

Pelbagai kemudahan cara bayaran disediakan iaitu melalui Kaunter Majlis Bandaraya Petaling Jaya, kaunter Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah dan Daerah Selangor, kaunter bank, kaunter agensi setempat seperti Pejabat Pos, TNB, TM Point, Syabas, DBKL, kaunter bergerak Mr EZ Pay, internet banking, arahan tetap bank dan melalui laman web Majlis, [epay@mbpj.gov.my](mailto:epay@mbpj.gov.my).



Bagi memudahkan lagi bayaran cukai taksiran di sepanjang bulan Jan – Feb 2015, waktu Kaunter Utama di buka adalah dari jam 7.30 pagi hingga jam 6.00 petang (Isnin hingga Jumaat) dan dari jam 9 pagi hingga 4.00 petang pada hari Sabtu dan Ahad.

#### 3.4 **PELAKSANAAN ‘COMBI SEDAR’ DIPERLUAS BANTERAS DENGGI**

Situasi Denggi di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya, mencatatkan sebanyak 1,490 kes sehingga 15 Februari 2015. Majlis telah mengenalpasti 117 kawasan lokaliti wabak untuk diambil tindakan dengan segera, ekoran kes denggi yang melanda di Negeri Selangor baru-baru ini sangat membimbangkan terutamanya Daerah Petaling yang meliputi kawasan MBSA, MBPJ dan MPSJ.

Untuk makluman, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor memaklumkan bahawa dari 4 Januari hingga 14 Februari 2015, sejumlah 10,223 kes demam denggi dan 17 kematian telah dilaporkan di Negeri Selangor. Majlis telah mengambil langkah proaktif bagi menangani wabak ini agar tidak memberi kesan yang lebih dahsyat. Justeru itu, Majlis telah menubuhkan “Communication For Behavioural Impact - Pasukan Mencari Dan Memusnah Aedes” (COMBI SEDAR). Pasukan yang dibentuk dari sukarelawan setempat seperti Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Persatuan Penduduk ini akan menjalankan aktiviti mencari dan memusnah jentik - jentik aedes setiap seminggu. Majlis juga akan membekalkan peralatan seperti pipet, lampu suluh, dan memberi tunjuk ajar dan latihan kepada peserta COMBI SEDAR. Jabatan Kesihatan Persekitaran Majlis juga akan menjalankan pengauditan dari masa ke semasa, agar masyarakat lebih serius mencegah penularan wabak denggi ini.

Program COMBI SEDAR ini sudah pun bermula di peringkat sekolah, kawasan perumahan strata dan kawasan tapak binaan bangunan. Majlis berhasrat untuk memperluaskan lagi perkhidmatan ini dengan mengajak lebih ramai masyarakat untuk bersama-sama menghapuskan pembiakan denggi. Majlis juga berharap dapat mencapai sasaran sifar pembiakan jentik-jentik aedes di persekitaran lokaliti wabak dan pengurangan kejadian wabak denggi secara berpanjangan di lokaliti tersebut.

Sebagai salah satu langkah pencegahan, Majlis dan Jabatan Kesihatan Negeri menyarankan agar masyarakat mengamalkan melindungi diri dari gigitan nyamuk dengan menggunakan repellent terutama di waktu nyamuk aktif iaitu pada jam 5 hingga 7 pagi dan 5 hingga 7 petang. Di samping itu, masyarakat juga digalakkan menggunakan semburan areosol terutama di dalam rumah bagi membunuh nyamuk dewasa. Namun keutamaan haruslah tertumpu



kepada kebersihan dan membersihkan takungan air agar nyamuk aedes tidak dapat membiak.

Pada bulan Januari lalu, Jabatan Kesihatan Persekitaran telah melaksanakan semburan ULV di 4,700 rumah, sebanyak 2,260 rumah disemur dengan semburan TIFA manakala sejumlah 1,599 rumah telah menerima semburan kabus (THERMAL). Saya menyeru semua Ahli Majlis mengembleng tenaga bersama penduduk kawasan masing-masing untuk mengadakan gotong royong membersihkan kawasan masing-masing. Menjaga kebersihan adalah tanggungjawab bersama.

Majlis juga menggesa orang ramai dapat membuat pemeriksaan sendiri di dalam dan kawasan persekitaran rumah. Ini kerana hasil pemeriksaan mendapati bahawa pembiakan nyamuk aedes ini kebanyakannya adalah di dalam rumah dan bukannya di luar kawasan rumah seperti longkang. Orang awam dinasihatkan untuk meluangkan masa selama 10 minit seminggu bersama keluarga untuk membersihkan rumah masing-masing. Tegasnya, Majlis dan penduduk mesti mempunyai matlamat dan pelaksanaan yang sama untuk menurunkan kes denggi (win-win situation).

### **3.5 OPERASI BERSEPADU**

Majlis telah menjalankan operasi bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) ke atas Pusat Hiburan dan Pusat Siber dan Kafe Siber di kawasan Petaling Jaya. Sebanyak 48 kompaun dan 21 tindakan sitaan telah dilaksanakan di atas pelbagai kesalahan mengikut peruntukan undang-undang yang digunapakai.

Beliau turut mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina – Gong Xi Fa Cai kepada semua Ahli Majlis, Pegawai dan kakitangan serta penduduk Petaling Jaya yang berbangsa Cina. Berhati-hati memandu dalam perjalanan pulang ke kampung halaman dan semoga selamat sampai ke destinasi masing-masing. Majlis Sambutan Tahun Baru Cina dan Cap Goh Mei 2015 peringkat MBPJ akan diadakan pada 5 Mac 2015, jam 8.00 malam di Taman Tasik Jaya, Petaling Jaya.

## **4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-**

### **4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA BILANGAN 1 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 1 Tahun 2015 bertarikh 28 Januari 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.





5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 1 TAHUN 2015 YANG TELAH DIADAKAN PADA 28 JANUARI 2015.

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.1.1	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau membangkitkan berkaitan isu 'Pothole' di Petaling Jaya. Beliau berharap agar Petaling Jaya bebas daripada 'Pothole' pada penghujung bulan Januari 2015.</li> </ul>	<p>Mesyuarat isu <i>pothole</i> di Petaling Jaya telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 23 Disember 2014, 15 Januari 2015 dan 28 Januari 2015. Rondaan oleh petugas telah dilaksanakan dari 16 – 20 Januari 2015 bagi mengenalpasti lokasi <i>pothole</i>. Pihak Jabatan juga telah membuat lantikan 12 kontraktor kerja inden bagi kerja-kerja pembaikan <i>pothole</i> di sekitar Petaling Jaya.</p> <p>Encik Jeeyaseelan a/l T. Anthony memohon penjelasan berkaitan pelantikan 2 kontraktor daripada 6 kontraktor 'road gang' sebagaimana yang dipersetujui.</p> <p>Pengarah Jabatan Kejuruteraan menjelaskan bahawa jabatan masih dalam proses pelantikan kontraktor tersebut. Beliau turut menjemput semua Ahli Majlis untuk menghadiri mesyuarat lanjutan berkaitan perkara ini selepas Mesyuarat Majlis petang ini.</p> <p>YBhg. Tuan Pengerusi Mesyuarat turut memaklumkan bahawa Majlis akan melantik 3 kontraktor 'Road Gang' dan pelantikan ini berkuatkuasa mulai Mac 2015.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.2.2	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau berharap agar jalan 14/37 diberi keutamaan kerana jalan tersebut berlubang teruk dan serius.</li> </ul>	<p>Jabatan Kejuruteraan telah mengambil tindakan secara jangka pendek bagi membaiki kerosakan jalan di Jalan 14/37 dengan membuat pembaikan secara kerja-kerja inden. Kerja-kerja tersebut telah dibuat pada 9 Februari 2015.</p>
7.5.1	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHYUDDIN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau membangkitkan isu pungutan sampah yang melibatkan plastik sampah berlainan warna dan berharap agar isu ini dapat diselaraskan.</li> </ul>	<p>Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam memaklumkan bahawa satu perbincangan penyelarasan antara jabatan/unit berkenaan bidang tugas dijangka akan diadakan pada awal bulan Mac setelah proses penempatan kakitangan mengikut waran dimuktamadkan terlebih dahulu.</p> <p>Pada 6 Februari 2015, Pihak Jabatan telah mengadakan mesyuarat bersama YB. Puan Haniza binti Mohamad Talha, Encik Ariffin bin Mahayuddin, Wakil Tetuan Buana Perdana dan Tetuan Susunan Baru berhubung isu jalan baru di sebelah Sekolah Taman Dato' Harun.</p> <p>Mesyuarat telah memaklumkan tentang cadangan konsep bagi mengatasi masalah banjir kilat dengan dua (2) cadangan iaitu :-</p>
7.5.2	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau turut membangkitkan isu jalan di sebelah Sekolah Taman Datuk Harun yang masih dalam peringkat <i>'tindakan jabatan lagi'</i>.</li> </ul>	

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		i) Membina tangki OSD dengan kapasiti 36000 m <sup>3</sup> mengekalkan saiz longkang sedia ada. ii) Membina tangki OSD dengan kapasiti 1200 m <sup>3</sup> dan menaiktaraf longkang sedia ada daripada 900 x 900 mm kepada 3.2m x 1.5m  Cadangan rekabentuk dan penyediaan dokumen akan disediakan oleh perunding dan dijangka siap pada pertengahan bulan Mac untuk Majlis menawarkan tender terbuka.

**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS**

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 4 FEBRUARI 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 4 (65)]**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.**

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 4 FEBRUARI 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (109)]**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 6 FEBRUARI 2015 DAN 13 FEBRUARI 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (88)  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (90)**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 9 FEBRUARI 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (63)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.**

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 11 FEBRUARI 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (23)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 11 FEBRUARI 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (45)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 3.0 (7.1) perenggan 9 di muka surat 8 iaitu:-

pertama adalah RM200.00 sebulan dan kadar sewaan sebanyak RM400.00 sebulan untuk petak kedua.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.**



**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 12 FEBRUARI 2015. [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (93)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 13 FEBRUARI 2015. [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (28)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan minit bagi perkara 4.1.9 i) seperti berikut:-

- i) Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran di bawah Seksyen 14 boleh diteruskan sehingga menerima pengesahan minit daripada Jawatankuasa Perancang Negeri.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 16 FEBRUARI 2015. [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (31)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas kecuali bagi perkara berikut:-

Perkara 4.1 di muka surat 6. Mesyuarat meluluskan cadangan pemberian Bantuan Khas Prestasi (BKP) Tahun 2014 dengan kajian semula dari segi syarat-syarat serta mengemukakan kertas ini kepada Kerajaan Negeri untuk makluman.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**



## 7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

### 7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB. TUAN HEE LOY SIAN

7.1.1 Beliau membangkitkan isu kerja-kerja yang tidak berjalan bagi projek menukarkan Bulatan Rothman kepada lampu isyarat yang sepatutnya siap pada Oktober 2014. Beliau berharap agar jabatan berkaitan melaporkan status projek untuk makluman.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

7.1.2 Beliau turut membangkitkan isu projek di Jalan Gasing yang menyebabkan jalan di kawasan projek berlubang dan rosak teruk.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

### 7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK HALIMEY BIN ABU BAKAR

7.2.1 Beliau membangkitkan isu yang diputuskan di dalam Mesyuarat Kewangan bertarikh 16 Februari 2015 di muka surat 4 perkara 3 (7.2) berkaitan status pembinaan Dewan di PJS 6/1, Kg. Lindungan, Petaling Jaya. Beliau berharap agar sebelum projek itu berjalan, tempat letak kenderaan hendaklah disediakan terlebih dahulu.

Puan Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan memaklumkan bahawa pembinaan tempat letak kenderaan telah dimasukkan di dalam syarat pembinaan dewan. Walaubagaimanapun beliau akan menulis surat kepada Pejabat Tanah untuk mempercepatkan pembinaan tempat letak kenderaan tersebut memandangkan ianya tanah kerajaan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.**

### 7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TONY CHEONG SIEW THONG

7.3.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Tuan Pengerusi yang memberikan sepenuh kerjasama sepanjang empat setengah tahun beliau berkhidmat sebagai Ahli Majlis, MBPJ. Beliau berharap semangat kerjasama tersebut terus kekal walaupun YBhg. Tuan Pengerusi Mesyuarat menjawat jawatan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang.

**Tindakan : Makluman.**



**7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK OON CHONG LING**

7.4.1 Beliau mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina – Gong Xi Fa Cai kepada semua warga Petaling Jaya.

**Tindakan : Makluman.**

**7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN WONG YUET LENG**

7.5.1 Beliau mengucapkan terima kasih di atas pelantikan sebagai Ahli Majlis baru dan berharap agar mendapat sepenuh kerjasama daripada Ahli Majlis dan warga kerja MBPJ. Beliau turut mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina – Gong Xi Fa Cai kepada semua warga Petaling Jaya.

**Tindakan : Makluman.**

**7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN SIA SIEW CHIN**

7.6.1 Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Tuan Pengerusi Mesyuarat di atas kerjasama yang diberikan selama ini. Beliau turut melahirkan rasa gembira di atas pertambahan Ahli Majlis dikalangan wanita dan berharap agar sasaran 30% kaum wanita berkhidmat sebagai Ahli Majlis di satu-satu PBT akan tercapai.

7.6.2 Beliau turut membangkitkan permohonan beliau di dalam Mesyuarat Majlis yang lepas agar segala dasar yang diluluskan dibukukan untuk rujukan. Buat masa sekarang hanya Unit OSC telah membukukan dasar ini.

YBhg. Tuan Pengerusi Mesyuarat memutuskan agar jabatan-jabatan terlibat mengambil tindakan ke atas perkara ini.

**Tindakan : Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**

**7.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SUGUMARAN A/L R. ANNAMALAI**

7.7.1 Beliau mengucapkan terima kasih di atas pelantikan sebagai Ahli Majlis baru dan berharap agar mendapat sepenuh kerjasama daripada Ahli Majlis dan warga kerja MBPJ. Beliau turut mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina – Gong Xi Fa Cai kepada semua warga Petaling Jaya.

**Tindakan : Makluman.**



## 7.8 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHONG FOOK MENG

- 7.8.1 Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Tuan Pengerusi Mesyuarat.
- 7.8.2 Beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor atas perlantikan semula sebagai Ahli Majlis. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada semua rakan Ahli Malis yang dilantik semula serta mengucapkan selamat datang kepada Ahli Majlis yang baru dilantik. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Majlis dari Parti PAS dan DAP yang terus berkhidmat sepanjang 6 minggu yang lepas.
- 7.8.3 Beliau membawa isu Seni dan Budaya di mana pada akhir tahun 2013, MBPJ telah menganjurkan *PJ International Folklore Festival* di mana lebih 10 negara asing turut hadir. Program seni itu agak berjaya tetapi selepas itu nampak macam tidak ada kesinambungannya. Malahan infrastruktur khas yang dibina dibiarkan begitu sahaja. *Boulevard* yang luas dan cantik serta pentas berbumbung dan pentas mini kini bagaikan gajah putih (tidak digunakan).

Beliau ingin membawa usul untuk rakan-rakan Ahli Majlis agar membuat dasar menjadikan kawasan *Boulevard* itu sebagai pusat dan nadi Seni dan Budaya di Petaling Jaya. Marilah sama-sama menjadikan Petaling Jaya sebagai Kota Seni selaras dengan agenda Kerajaan Pakatan Rakyat, Negeri Selangor yang telah menyediakan bajet bagi tahun 2015 bagi tujuan di atas.

Untuk makluman, MBPJ sedang cuba menghidupkan kawasan *Boulevard* PJ dengan membuat persembahan *busker* di tapak tersebut pada setiap malam Jumaat dan Sabtu (jam 9 malam hingga 12 tengah malam). Sehubungan dengan itu beliau mencadangkan agar Majlis menyediakan dana untuk menyokong dan mempromosikan program tersebut.

Beliau turut mengusulkan agar tapak tersebut dijadikan tapak *fllea market* pada hari dan masa yang sama yang bertujuan sebagai tarikan pengunjung serta peluang warga PJ mempromosikan hasil kraf tangan mereka.

Disamping itu, beliau turut mencadangkan agar pementasan percuma disediakan di pentas mini di hadapan *Strawbery Café* untuk warga Petaling Jaya.





Beliau yakin inisiatif ini dapat menghidupkan kawasan tersebut dan pada masa yang sama menjadikan PJ sebagai Pusat Seni dan Budaya selaras dengan hasrat Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor.

Beliau turut mencadangkan agar setiap tiga (3) bulan sekali, pementasan oleh kumpulan kesenian Petaling Jaya menggunakan kemudahan Auditorium Dewan Sivik secara percuma.

Beliau turut memaklumkan bahawa dalam bulan Januari Auditorium tersebut telah digunakan untuk dua program seni iaitu *Selangor Philharmonic Orchestra* anjuran bersama PeBT Zon2 dan Tarian Klasikal India dengan artis jemputan terkemuka India.

Menurut beliau lagi, sememangnya permintaan dan minat untuk seni dan budaya di Petaling Jaya adalah amat tinggi sekali. Begitu juga, tempat kediaman di mana Petaling Jaya merupakan tempat tinggal pilihan oleh artis-artis dan seniman.

Beliau turut memaklumkan bahawa sekiranya seseorang itu menyertai pertandingan bakat realiti TV dan menjadi juara dengan hadiah RM100,000 dan sebuah kereta mewah, mereka akan menjadi kebanggaan semua. Sehubungan dengan itu, memandangkan wargakerja MBPJ iaitu saudari Salmah pernah menjadi juara pertandingan tersebut dan kini menjadi penyanyi "busker" jalanan di Boulevard MBPJ, beliau mencadangkan agar saudari Salmah kita disokong untuk menjadi ikon kesenian MBPJ. Beliau berharap agar Pengarah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan menyediakan kertas kerja bagi perbincangan diperingkat jawatankuasa.

Akhir sekali beliau berharap agar Petaling Jaya dikenali sebagai Kota Seni Selangor serta mengakhiri ucapan beliau dengan serangkap pantun:-

Kembang megah lagi berseri,  
Inai Merah lambang kami,  
Marilah PJ budayakan seni,  
Seni dan Budaya kebanggaan kami.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan,  
MBPJ,  
Makluman.**



7.8.4 YBhg. Tuan Pengerusi Mesyuarat berharap agar Ketua Jabatan/Bahagian mengambil cabaran yang dikemukakan oleh Encik Chong Fook Meng. Beliau menyatakan ucapan penanguhan ini adalah yang terbaik yang dikemukakan oleh seorang Ahli Majlis.

**7.9 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AHMAD AKHIR BIN PAWAN CHIK**

7.9.1 Beliau mengucapkan terima kasih di atas pelantikan sebagai Ahli Majlis dan ucapan tahniah kepada semua Ahli Majlis yang dilantik.

7.9.2 Beliau memaklumkan bahawa tahun lepas telah diwujudkan *group whatsapp* berkaitan sampah dan kontraktor sendiri yang menjadi *admin group*. Hasil penelitian beliau mendapati bahawa cara tersebut amat berkesan dalam menangani masalah sampah di Petaling Jaya. Encik Lee Lih Shyan sendiri sentiasa memberi pandangan dan amat tegas dalam menegur kebersihan sesuatu kawasan. Sehubungan dengan itu beliau mencadangkan agar cara tersebut ditambah baik dan mencadangkan agar diadakan anugerah kontraktor dengan membuat kajian semula cara-cara penganugerahan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ,**

7.9.3 Akhirnya beliau mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina – Gong Xi Fa Cai kepada semua warga Petaling Jaya.

**Tindakan : Makluman.**

**7.10 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH Y.M PUAN RAJA FAIRUZ BIN RAJA MAZLAN**

7.10.1 Beliau bersyukur dan mengucapkan terima kasih kerana dilantik sebagai Ahli Majlis. Tidak lupa ucapan selamat datang kepada Ahli Majlis baru.

7.10.2 Seterusnya beliau berharap agar mendapat kerjasama sepenuhnya terutamanya bagi menangani masalah aduan di zon pemantauan beliau.

**Tindakan : Pengarah, Unit Aduan Awam, MBPJ,  
Makluman.**



## **7.11 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL**

7.11.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Tuan Pengerusi Mesyuarat dan melahirkan rasa terkejut di atas pelantikan beliau sebagai Ahli Majlis. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada Kerajaan Selangor di atas pelantikan beliau sebagai Ahli Majlis bagi menyelesaikan masalah-masalah yang belum selesai seperti RTPJ. Selain daripada itu harapan beliau agar warga kerja MBPJ memberikan perkhidmatan terbaik pada tahun ini.

7.11.2 Beliau turut merasakan kehilangan seorang pemimpin terbaik di Petaling Jaya iaitu Timbalan Datuk Bandar yang akan menjawat jawatan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang.

**Tindakan : Makluman.**

## **7.12 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZIZI BIN ARIFFIN**

7.12.1 Beliau mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis yang dilantik semula dan Ahli Majlis baru. Tidak lupa beliau mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina – Gong Xi Fa Cai kepada semua warga Petaling Jaya.

**Tindakan : Makluman.**

## **7.13 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ANG MING ERN**

7.13.1 Beliau mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis yang dilantik semula dan Ahli Majlis baru. Tahniah juga kepada Timbalan Datuk Bandar yang dilantik sebagai Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang. Tidak lupa beliau mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina – Gong Xi Fa Cai kepada semua warga Petaling Jaya.

**Tindakan : Makluman.**

7.13.2 Menjawab persoalan daripada Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan, beliau memaklumkan bahawa Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan perlu mengadakan mesyuarat bersama Ahli Majlis berkaitan cadangan pengubahan 2 RTPJ 1 dan Cadangan Pengubahan 1 RTPJ 2 setelah mendapat surat atau minit kelulusan daripada Mesyuarat Perancang Negeri Selangor.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ**



**7.14 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH**

7.14.1 Beliau mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis yang dilantik semula dan Ahli Majlis baru. Beliau turut berharap agar kita meningkatkan kerjasama demi menaikkan nama MBPJ. Akhirnya beliau mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina – Gong Xi Fa Cai kepada semua warga Petaling Jaya.

**Tindakan : Makluman.**

**7.15 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEEYASELAN A/L T. ANTHONY**

7.15.1 Beliau mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis yang dilantik semula dan Ahli Majlis baru. Beliau turut mengucapkan selamat tinggal kepada Timbalan Datuk Bandar dan berharap agar beliau meneruskan kecemerlangan di Majlis Perbandaran Sepang. Tidak lupa ucapan Selamat Tahun Baru Cina – Gong Xi Fa Cai kepada semua warga Petaling Jaya.

**Tindakan : Makluman.**

**7.16 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD**

7.16.1 Beliau mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada Ahli Majlis yang dilantik semula dan Ahli Majlis baru. Beliau berharap agar MBPJ dapat mencapai visi, misi dan matlamat seperti berikut:-

- a) Petaling Jaya Bandar Raya Peneraju, Dinamik dan Lestari
- b) Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti demi kesejahteraan Petaling Jaya
- c) Menjadi Bandar Raya terulung dalam penyediaan perkhidmatan dan prasarana yang berkualiti untuk pelanggan.

Berdasarkan visi, misi dan matlamat di atas, beliau berharap agar MBPJ memasang strategi untuk memberikan perkhidmatan berkualiti kepada penduduk Petaling Jaya.

Beliau turut berharap agar pelaksanaan ke atas projek yang telah dibentangkan di atas kertas kerja dipantau agar tidak lari dari skop. Beliau turut menyeru agar warga kerja MBPJ bekerja sebagai satu pasukan untuk mencapai kemajuan dan tegur menegur untuk memperbaiki kesilapan seterusnya memastikan



organisasi Majlis berjalan lancar dan cemerlang. Sekiranya terdapat bantahan di atas keputusan yang telah dibuat, perbincangan semula hendaklah dibuat bagi mencapai keputusan terbaik.

Sehubungan dengan itu beliau menyeru warga kerja MBPJ agar membuat pemantauan ke atas kerja-kerja yang dijalankan demi kesejahteraan penduduk Petaling Jaya.

7.16.2 Akhir sekali beliau mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina – Gong Xi Fa Cai kepada semua warga Petaling Jaya.

**Tindakan : Makluman.**

#### 7.17 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH


7.17.1 Beliau mengucapkan terima kasih kerana dilantik dan dilanjutkan perkhidmatan sebagai Ahli Majlis, MBPJ. Lanjutan ucapan penangguhan oleh Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud, berkaitan Good Governance, beliau mengemukakan persoalan adalah SOP kita lebih terluas dan terbuka. Beliau mencadangkan agar:-

- a) Diadakan SOP bagi memantau kontraktor memandangkan sekarang tiada SOP yang jelas untuk memantau kerja-kerja yang dilakukan oleh Kontraktor yang dilantik.
- b) Selain daripada itu sebagai warga kerja MBPJ, sekiranya kita melalui kawasan bermasalah seperti jalan rosak, sampah tidak dikutip dan pokok tumbang, kita sendiri boleh melapurkan kepada jabatan berkaitan untuk tindakan segera.
- d) Sekiranya terdapat kerjasama padu diantara warga kerja MBPJ dan penduduk Petaling Jaya, maka kita boleh menjadi Bandar Raya terulung dalam penyediaan perkhidmatan dan prasarana yang berkualiti untuk pelanggan.

**Tindakan : Makluman.**



Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.25 tengahari. YBhg. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa bulan 5 ini genap perkhidmatan beliau selama 8 tahun di MBPJ yang merupakan perkhidmatan beliau yang lama sepanjang perkhidmatan sebagai penjawat awam. Sepanjang perkhidmatan beliau amat menyayangi Petaling Jaya. Beliau turut mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada semua warga kerja MBPJ. Beliau turut memaklumkan MBPJ adalah PBT yang paling sesuai untuk mereka-mereka yang baru mempelajari pembangunan. Beliau memohon maaf di atas segala kekurangan dan berharap agar kita bersatu ke arah PBT yang disegani seluruh Malaysia.

  
(HAJI AHMAD MHD HAYEN BIN HAJI SAID), AMN, AIS, PJK  
Timbalan Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 3 Mac 2015

## LAMPIRAN KEHADIRAN

### HADIR:

01. Tuan Puasa bin Md Taib, - Pengerusi  
Pemangku Datuk Bandar, MBPJ.
02. Tuan Haji Ahmad Mohayen bin Haji Said,  
Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,  
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,  
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Tony Cheong Siew Thong,  
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Azri bin Mohamad Arish,  
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Oon Chong Ling,  
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Ang Ming Ern,  
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Azizi bin Ariffin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Puan Sia Siew Sin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Tang Fuie Koh,  
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Mahharul bin Ismail,  
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Puan Cynthia Gabriel,  
Ahli Majlis, MBPJ.



15. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Halimey bin Abu Bakar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Shatiri bin Mansor,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Chong Fook Meng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Ong Swee Long,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Sugumaran a/l R. Annamalai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Wong Yuet Leng,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**TIDAK HADIR:**

01. Tuan Ir. Lee Suet Sen, (*dengan maaf*)  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
02. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
03. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.





04. Puan Aziziza Azdila binti Abdul Aziz,  
Wakil Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
05. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
06. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
07. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
08. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu, A.M.S  
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.
09. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
10. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
11. Puan Mahzura binti Mohd Amin,  
Wakil Pengarah, Jabatan Sisa Pepejal & Permbersihan Awam, MBPJ.
12. Puan Norzita binti Mokhtar,  
Wakil Ketua (Unit Perundangan), Unit Perundangan, MBPJ.
13. Puan Haniza binti Abdul Hamid,  
Ketua Unit, Unit Perhubungan Awam dan Korporat, MBPJ.
14. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,  
Ketua Unit (Audit Dalam), Unit Audit Dalam, MBPJ.
15. Y.M Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,  
Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ.
16. Cik Nor Shabani binti Johari,  
Ketua Unit, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,  
Ketua Unit, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
18. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,  
Ketua Unit, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.



19. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),  
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd. Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Y.B Tuan Hee Loy Sian,  
Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan.
02. Y.B Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,  
ADUN Bukit Gasing.
03. Encik Ali Firdaus bin Othman,  
Wakil ADUN Taman Medan.
04. Encik Chan Kien Fatt,  
Wakil ADUN Damansara Utama.

**URUSETIA:**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

